

**POLISI ADUAN
DAN
PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.
KPTMSB.IGU.PL.02**

No. Keluaran	1
No. Semakan	0
Tarikh Kuatkuasa	01 September 2024
Status	Dikawal

	<u>Disediakan oleh</u>	<u>Dikawal oleh</u>	<u>Diluluskan oleh</u>
T/Tangan			 <p>KOLEJ POLY-TECH MARA SDN BHD 200101011711 (547467-W)</p>
Nama	HAMIDI BIN HARUN	WAN MOHAMAD BIN WAN DAUD	
Jawatan	Pen. Pengarah Kanan Unit Integriti & Governans	Ketua Unit Integriti & Governans	

REKOD SEMAKAN

1.0 TUJUAN

Polisi ini menyediakan prinsip, garis panduan dan keperluan bagaimana untuk menangani amalan rasuah serta salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB). Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai kawalan pencegahan rasuah, perlakuan rasuah dan mekanisme pelaporan.

2.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, warga KPTMSB dan rakan strategik KPTMSB. Polisi ini juga terpakai kepada semua pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi KPTMSB. Semua pihak perlu mematuhi polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 3.2 Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB 2022
- 3.3 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575)
- 3.4 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)
- 3.5 Polisi Pemberi Maklumat MARA

4.0 DEFINISI

PERKARA	DEFINISI
IGU	Unit Integriti dan Governans
Kelakuan tidak wajar	Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan rasuah, jenayah atau tatatertib.
KPTMSB	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah KPTMSB.
Maklumat Sulit	a) Apa-apa maklumat yang boleh mendedahkan identiti Pemberi Maklumat; dan b) Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Aduan Perlindungan Pemberi Maklumat KPTMSB

Pemberi Maklumat	Seseorang yang membuat laporan mengenai kelakuan tidak wajar staf, ahli Lembaga Pengarah, pemegang taruh atau rakan strategik yang dipercayai berlaku dalam urusan yang berkaitan dengan KPTMSB.
Rakan Strategik	Pihak yang memberi/ menerima perkhidmatan atau pembekalan kepada/ daripada KPTMSB.
Sekutu	<p>Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).</p> <p>“sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertiinya—</p> <ul style="list-style-type: none"> a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu; b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu; c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya; d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika – <ul style="list-style-type: none"> i. amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau

	<p>ii. nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, samada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.</p>
Warga KPTMSB	Semua warga KPTMSB termasuk pengurusan kanan, pengurus, eksekutif, bukan eksekutif, ahli akademik dan pakar yang diambil bekerja oleh syarikat. Ini juga meliputi staf tetap, staf kontrak, staf sementara, sambilan, pelatih dan mereka yang dipinjamkan daripada agensi lain.
Tindakan yang memudaratkan	Merujuk Akta 711 iaitu gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang termasuk diskriminasi, penamatian perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib dan suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas.

5.0 PERKARA YANG BOLEH DILAPORKAN

- 5.1 Sesuatu pendedahan yang boleh dilaporkan sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana kelakuan tidak wajar yang berikut:
- 5.1.1 Menjanji/ menawar/ memberi/ meminta/ menerima rasuah (Seksyen 16 & 17 Akta SPRM 2009);
 - 5.1.2 Percanggahan kepentingan (*Conflict of Interest*) di mana kepentingan peribadi individu/ kumpulan bercanggah dengan kepentingan profesional kepada

- majikannya, yang berpotensi menjelaskan kesaksamaan individu berkenaan (Seksyen 23 Akta SPRM 2009);
- 5.1.3 Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, saudara dan sekutu (Seksyen 23 Akta SPRM 2009);
- 5.1.4 Membuat/ memperakukan/ mengemukakan tuntutan palsu (Seksyen 18 Akta SPRM 2009);
- 5.1.5 Pecah Amanah jenayah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan (Akta 575 Akta Pencegahan Rasuah 1997);
- 5.1.6 Penyalahgunaan aset/ kemudahan KPTMSB (Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB);
- 5.1.7 Pemalsuan dokumen (Seksyen 18 Akta SPRM 2009); dan
- 5.1.8 Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yang mempunyai kaitan dengan sesuatu siasatan (Seksyen 18 Akta SPRM 2009).
- 5.2 Kegagalan staf, ahli Lembaga Pengarah, pemegang taruh atau rakan strategik untuk mematuhi peruntukan-peruntukan dalam mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa; atau
- 5.3 Bersubahat, mengarahkan, menasihati atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perkara di atas.

6.0 PENGECUALIAN KE ATAS POLISI INI

Polisi ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut;

- 6.1 Laporan yang bersifat rungutan mengenai terma-terma dan syarat - syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;

- 6.2 Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan yang seumpamanya;
- 6.3 Laporan yang mempersoalkan dasar Kerajaan atau polisi pemegang taruh dan KPTMSB; dan
- 6.4 Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pemberi Maklumat, tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang.

7.0 BILA PENDEDAHAN BOLEH DILAPORKAN

- 7.1 Pemberi Maklumat boleh tampil membuat laporan pada bila-bila masa dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau dokumen di mana, dengan suci hati dan berdasarkan alasan yang munasabah.
- 7.2 Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh beliau, maka Pemberi Maklumat perlu membuat pengakuan dengan sukarela supaya diberi pertimbangan sewajarnya untuk dilindungi dalam Polisi ini dan dikecualikan dari peruntukan Perkara 10.0.

8.0 CARA MELAPORKAN PERBUATAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

- 8.1 Satu pendedahan boleh dilaksanakan dengan menggunakan salah satu saluran seperti berikut:
 - 8.1.1 Bersemuka atau hadir sendiri berjuma bersama pegawai di Unit Integriti dan Governans (IGU);
 - 8.1.2 Aduan menerusi Sistem Aduan Integriti KPTMSB dalam laman sesawang KPTMSB;
 - 8.1.3 Emel kepada igu@gapps.kptm.edu.my;
 - 8.1.4 Telefon 03-91795720 / 03-91795722; atau
 - 8.1.5 Surat dan hantar ke pejabat IGU:

Unit Integriti dan Governans
Aras 4, Ibu Pejabat KPTM
Jalan 7/91, Taman Shamelin Perkasa
56100, Cheras, Kuala Lumpur

- 8.2 Pemberi Maklumat layak untuk dilindungi dalam polisi ini dengan memberi pendedahan maklumat peribadi seperti berikut:
- 8.2.1 Nama, nombor kad pengenalan, jawatan dalam KPTMSB, alamat emel, atau nombor telefon untuk dihubungi.
- 8.2.2 Sebarang maklumat yang hendak dilaporkan hendaklah mengandungi butiran yang jelas seperti berikut:
- a) Keterangan tentang kelakuan tidak wajar dan identiti pihak yang terlibat; dan
- b) Keterangan dan bukti bagaimana kelakuan tidak wajar dilakukan serta menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian.
- 8.2.3 Dokumen tambahan yang diperlukan (jika ada):
- a) Menyertakan maklumat-maklumat saksi; dan
- b) Menyertakan dokumen bukti berkaitan dengan kelakuan tidak wajar.
- 8.3 Pemberi Maklumat mungkin akan diminta tampil bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut mengenai laporan aduan yang telah disalurkan.

9.0 PERLINDUNGAN

- 9.1 Identiti Pemberi Maklumat termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi oleh Polisi ini.
- 9.2 Semua laporan kelakuan tidak wajar adalah disifatkan dan diklasifikasikan sebagai **SULIT**. Kandungan laporan kelakuan tidak wajar tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti agensi penguatkuasa undang-undang, Pasukan Penyiasat, Ketua Unit Integriti dan Governans untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Walau bagaimanapun, identiti Pemberi

Maklumat tetap juga akan dirahsiakan dan dilindungi serta tidak boleh dinyatakan dalam apa-apa dokumen atau pernyataan.

- 9.3 Pemberi Maklumat adalah dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain kecuali kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Kegagalan Pemberi Maklumat mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan kepada Pemberi Maklumat dalam Polisi ini terbatal.
- 9.4 Pemberi Maklumat yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.
- 9.5 Sesiapa yang melakukan tindakan yang memudaratkan terhadap Pemberi Maklumat akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatkan pekerjaan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Tindakan yang memudaratkan termasuklah:
 - 9.5.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 9.5.2 Ugutan atau gangguan;
 - 9.5.3 Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatkan perkhidmatan, turun pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau dikenakan tindakan tatatertib; atau
 - 9.5.4 Ancaman atau ugutan untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.
- 9.6 Kerahsiaan dan perlindungan kepada Pemberi Maklumat tidak akan terjejas sekiranya laporan kelakuan tidak wajar yang dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan dalam mana-mana undang-undang.
- 9.7 Pemberi Maklumat yang layak mendapat perlindungan seperti yang diperuntukkan dalam polisi ini adalah terpakai apabila IGU mengisi dan melengkapkan **Borang Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (UIG.PL.02.01-00)**.

10.0 PEMBATALAN

- 10.1 Perlindungan yang diberikan kepada Pemberi Maklumat mengikut peruntukan Polisi ini akan ditarik balik jika didapati bahawa:
- 10.1.1 Pemberi Maklumat mendedahkan diri sebagai Pemberi Maklumat kepada pihak lain selain dari pihak IGU;
 - 10.1.2 Pemberi Maklumat sendiri telah terlibat dalam melakukan perbuatan kelakuan tidak wajar yang dilaporkan olehnya;
 - 10.1.3 Pemberi Maklumat dengan sengaja membuat pernyataan palsu;
 - 10.1.4 Pemberi Maklumat membuat laporan kelakuan tidak wajar dengan motif untuk mengelak dari ditamatkan perkhidmatan atau Tindakan tatatertib;
 - 10.1.5 Pendedahan mempersoalkan dasar KPTMSB atau polisi kerajaan; atau
 - 10.1.6 Pemberi Maklumat telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.
- 10.2 Sekiranya perlindungan Pemberi Maklumat telah ditarik balik, Unit Integriti dan Governans hendaklah memaklumkan perkara tersebut melalui suatu notis bertulis kepada Pemberi Maklumat. Namun begitu aduan yang mempunyai asas akan diproses dan disiasat berpandukan Prosedur Pengurusan Aduan Integriti yang sedang berkuatkuasa.

11.0 PENGASINGAN

Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, Pemberi Maklumat juga boleh membuat apa-apa laporan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasa undang-undang di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat.

12.0 REKOD

Borang Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar



BORANG PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

BAHAGIAN A

(Untuk Kegunaan Pejabat IGU)

NO. ADUAN	
TARIKH	
MASA	
TEMPAT	

BAHAGIAN B BUTIRAN PEMBERI MAKLUMAT

Nama:		
No. K/P:		
Jawatan:		
No. Telefon Bimbit:	No. Telefon Rumah:	Alamat Emel:

BAHAGIAN C
BUTIRAN PEGAWAI DIADU

(a)	Nama Individu Yang Diadu	
	Jawatan	
	Bahagian / Jabatan / Seksyen / Unit	
	Hubungan Pemberi Maklumat Dengan Individu Yang Diadu	
(b)	Nama Individu Yang Diadu	
	Jawatan	
	Bahagian / Jabatan / Seksyen / Unit	
	Hubungan Pemberi Maklumat Dengan Individu Yang Diadu	
(c)	Nama Individu Yang Diadu	
	Jawatan	
	Bahagian / Jabatan / Seksyen / Unit	
	Hubungan Pemberi Maklumat Dengan Individu Yang Diadu	
(d)	Nama Individu Yang Diadu	
	Jawatan	
	Bahagian / Jabatan / Seksyen / Unit	
	Hubungan Pemberi Maklumat Dengan Individu Yang Diadu	
(e)	Nama Individu Yang Diadu	
	Jawatan	
	Bahagian / Jabatan / Seksyen / Unit	
	Hubungan Pemberi Maklumat Dengan Individu Yang Diadu	

BAHAGIAN D
BUTIRAN BERKAITAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Jenis kesalahan (Tandakan X di dalam kotak yang berkenaan)

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Rasuah (Memberi / Menerima /
Menawarkan / Meminta) | <input type="checkbox"/> Salah Guna Kuasa |
| <input type="checkbox"/> Tuntutan Palsu | <input type="checkbox"/> Lain-lain (Sila nyatakan)
..... |

Tarikh Kejadian: _____

Masa Kejadian: _____

Lokasi Kejadian: _____

Nama Saksi Kejadian (jika ada) :
: _____
: _____

Adakah terdapat gambar / dokumen / video / lain-lain bukti berkaitan kejadian?

- Ada (Sila lampirkan) Tiada

Adakah anda pernah melaporkan perkara ini kepada agensi / jabatan lain?

- Ya Tidak

Jika YA sila nyatakan:

Nama Pegawai Yang Menerima
Laporan : _____

Jabatan Penerima Laporan : _____

Tarikh Laporan Dibuat : _____

Status Kes : _____

BAHAGIAN E
ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Pengadu menyatakan:

***Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan ini tidak mencukupi**

BAHAGIAN E
PERAKUAN PEMBERI MAKLUMAT
(Diisi oleh Pemberi Maklumat)

1	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2	Saya telah baca dan faham kandungan Polisi Aduan dan Perlindungan Pemberi Maklumat KPTMSB.
3	Saya faham sekiranya pendedahan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Polisi ini, perlindungan terhadap saya adalah terbatal.
4	Saya akur dan bersetuju bahawa maklumat ini boleh dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya pendedahan ini bukan di bawah bidang kuasa Unit Integriti dan Governans KPTMSB.
<p>Tandatangan:</p> <p>Nama : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>	

Pegawai Penerima Aduan : _____

Tarikh : _____

BAHAGIAN F
KEPUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS
Sila tandakan (/) di petak berkenaan

	Tarikh mula dilindungi:
	Tarikh terbatal perlindungan (<i>Jika Berkaitan</i>):
	Siasat dan lapor.
	Salur maklumat kepada Agensi / Jabatan / Unit:

Tandatangan & Cop

Ketua Unit Integriti dan Governans

Tarikh: _____